



## KARAKTER PEMIMPIN POLITIK DALAM MEMPERKASAKAN KETAMADUNAN MASYARAKAT MALAYSIA

*Siti Khatijah Yasin<sup>1\*</sup>, Fadzli Adam<sup>2\*</sup> & Siti Rokiah Ab Rahman<sup>3\*</sup>*  
[sitikhatijahy@yahoo.com](mailto:sitikhatijahy@yahoo.com)

<sup>1,2,3</sup> Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Melayu Islam (INSPIRE), Universiti Sultan Zainal  
Abidin, Terengganu

---

### ABSTRAK

Artikel ini akan membincangkan sejauh mana karakter pemimpin politik dalam memperkasakan ketamadunan masyarakat di Malaysia. Karakter pemimpin merupakan elemen yang cukup penting selari dengan kehendak prinsip Islam yang mempertanggungjawabkan setiap Muslim yang mukallaf sebagai pemimpin bagi diri mereka sendiri dan keluarga selain menjadi pemimpin kepada masyarakat secara umum. Menjadi keutamaan dalam melahirkan pemimpin rabbani yang progresif, cerdas, beriman dan berakhlak serta ketinggian ilmu dalam membentuk sahsiah yang unggul dalam masyarakat. Ketamadunan yang gemilang merupakan hasil yang dicernakan oleh tingkah laku masyarakat itu sendiri dalam mencorakkan sesebuah tamadun yang baik serta bersih dari segala persengketaan dan perpecahan. Kajian ini menggariskan tiga objektif iaitu karakter pemimpin menurut perspektif Islam, peranan pemimpin mengubah ketamadunan masyarakat dan faktor kredibiliti pemimpin merupakan elemen penting dalam kepimpinan. Kaedah yang digunakan dalam penulisan ini adalah analisis konseptual melalui analisis dokumen terhadap penulisan dan kajian lepas yang berkaitan dengan skop kajian ini. Hasil kajian menunjukkan terdapat beberapa karakter penting iaitu beriman dan adil, berakhlak dan bermoral dan teladan yang baik. Penemuan kajian ini memberi implikasi positif dalam segenap aspek dalam memperkasakan ketamadunan masyarakat Malaysia yang merangkumi aspek agama, sosial, ekonomi, budaya dan sebagainya.

---

### 1. PENGENALAN

Ketamadunan memainkan peranan penting dalam mencorakkan rupa bentuk sesuatu bangsa dalam sesebuah masyarakat madani. Bagaimana telah terbukti dalam sejarah bahawa kegemilangan peradaban Islam masa silam lahir daripada bangsa yang mempunyai jati diri dan berpegang teguh dengan ajaran Islam. Namun begitu, kemajuan atau kemunduran sesuatu bangsa adalah bergantung kepada pemimpin yang merupakan watak dinamik yang menggerakkan ketamadunan untuk terus berada dipaksi kebenaran dan kesejahteraan.

Bagaimana pengkaji (18) dan (21) membincangkan perkembangan tamadun dikaitkan dengan kepemimpinan. Kurangnya kajian yang mengaitkan tamadun dengan kepemimpinan menjadi faktor yang mempengaruhi ilmu kepemimpinan dan pengurusan telah mengambil sumber utama daripada barat. Pengajian ilmu kepemimpinan pada ketika ini banyak mengambil teori dan model yang dipopularkan oleh tokoh-tokoh barat. Dalam konteks Malaysia yang meletakkan Islam sebagai teras kewujudan negara bangsa dilihat tidak begitu sesuai sekiranya tamadun barat yang mewarnai pola kepemimpinan negara. Dalam hal ini, (21) menyatakan teori kepemimpinan yang dipelopori Barat berakar umbi daripada budaya kehidupan hariannya, tokoh-tokoh besarnya, dan juga dari tamadun lain yang disesuaikan dengan acuan kehidupan masyarakat barat. Tamadun Islam yang mempengaruhi tamadun Melayu sebenarnya meninggalkan khazanah ilmu yang tidak kurang penonjolannya dalam bidang kepemimpinan dan pengurusan.

Hal sedemikian menunjukkan bahawa peranan seorang pemimpin sangat penting dalam konteks masyarakat kini. Justeru pengkaji mendapati, pemimpin yang hebat dan disegani mempunyai karakter kepimpinan yang unggul selaras dengan kehendak agama yang meletakkan syariat Islam dalam setiap perbuatan dan tingkah laku bagi seorang pemimpin dalam masyarakat.

## **2. KEPENTINGAN KARAKTER PEMIMPIN MENURUT PERSPEKTIF ISLAM**

Allah menyeru umat manusia untuk menjaga dan mentadbir bumi ini dengan sebaik mungkin dengan meletakkan syariat Allah iaitu melakukan kebaikan dan meninggalkan larangannya (4). Begitulah betapa pentingnya kewujudan manusia di alam ini berdasarkan pandangan al-Quran sehingga diukur nama *al-insan* (manusia) dalam al-Quran (6). Setiap makhluk Allah di dunia ini khususnya umat manusia sangat memerlukan sebuah negara dan penting ditadbir dengan sebaik-baiknya oleh pemimpin-pemimpin yang telah dilantik dengan meletakkan prinsip-prinsip Islam yang telah gariskan untuk sekalian manusia.

Kajian ini mengenal pasti bagaimana pengkaji lepas (16) yang mengkaji gaya kepimpinan di tempat kerja dan menjelaskan pendekatan pertama dalam kajian pemimpin yang digariskan adalah berhubung ciri-ciri pemimpin itu sendiri. Pengkaji mendapati karakter pemimpin merangkumi ciri-ciri pemimpin yang perlu ada dalam diri mereka dan

kepimpinan yang berkualiti tinggi sangat dituntut oleh Islam. Kualiti pemimpin Islam membawa pendekatan *humanistic* dan hendaklah berdasarkan elemen-elemen tertentu. [24] Elemen-elemen yang digariskan sepertimana yang dijelaskan di atas adalah karakter pemimpin yang perlu ada adalah mahir dan beramanah, '*Lenient*' dan bersifat pemaaf terhadap pengikut, menjadi contoh teladan yang baik, buat seperti apa yang dikatakan, bertanggungjawab dan penyayang. Elemen ini merupakan pelengkap kepada karakter seorang pemimpin politik yang seharusnya ada dalam diri mereka selaras dengan tuntutan agama. Islam amat mementingkan kesejahteraan masyarakat dengan menentukan beberapa kriteria dalam pembentukan kepimpinan.

Konsep kepimpinan dalam Islam bersifat holistik bertunjangkan keadilan yang tidak terbatas tentang soal pemerintahan, kehakiman dan hukum-hukum semata-mata, tetapi Islam mencakupi keseluruhan aspek kehidupan manusia tanpa pengecualian (8). Pemimpin diberi kedudukan yang istimewa kerana dianggap sebagai khalifah yang dimulakan oleh Nabi Muhammad SAW. Keadilan merupakan teras utama bagi seseorang yang melaksanakan tanggungjawab sebagai khalifah atau pemimpin. Bagaimana al-Quran telah menjelaskan kepada semua iaitu:

*“Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, dan berbuat kebaikan, serta memberi bantuan kepada kaum kerabat; dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan Yang keji dan mungkar serta kezaliman. ia mengajar kamu (dengan suruhan dan laranganNy ini), supaya kamu mengambil peringatan mematumhinya”*

*(Surah Al-Nahl: 90)*

Seorang pemimpin mahupun khalifah yang bukan sahaja melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan amanah, namun berlaku adil dalam segenap aspek mesti diutamakan dalam menyelesaikan segala permasalahan dan menjatuhkan hukuman. Pemimpin atau khalifah yang dilantik untuk memberi kemakmuran pada seluruh alam adalah harus meletakkan diri sebagai hamba yang patuh dengan perintah Allah (9). Kemuliaan dan penghormatan seorang pemimpin bukan hanya dipandang dalam konteks ketinggian ilmu semata-mata, namun kemurnian akhlak yang baik menjadi pilihan bagi

sesebuah negara yang makmur. Menurut (11) bagaimana al-Quran telah memberi penerangan tentang istilah penggunaan kepimpinan antara iaitu:

### 2.2.1 Khalifah

Istilah khalifah menurut bahasa ialah menggantikan atau menempati tempatnya atau mereka yang datang setelah orang lain dan menggantikan tempatnya (20). Berdasarkan firman Allah:

*“Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat;  
“Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi”.*

*(surah al-Baqarah: 30)*

Dalam segi syarak pula, khalifah digunakan untuk menyebut orang yang menggantikan Nabi SAW dalam kepemimpinan negara Islam. Sejarah Islam telah menunjukkan bahawa khalifah adalah kepemimpinan umum bagi kaum Muslimin seluruhnya di dunia dan menegakkan hukum-hukum syariah Islam dan mengembangkan dakwah Islamiyah ke seluruh alam. Penyelidik dapat menyimpulkan bahawa tugas khalifah adalah mewakili umat dalam urusan kekuasaan dan penerapan hukum-hukum syariat Islam kepada sekalian manusia ciptaan Allah.

### 2.2.2 Ulu al-'Amr

Perkataan *ulu al- Amr* merupakan dua perkataan iaitu *Ulu* membawa maksud pemilik dan *al-'Amr* pula bermaksud urusan, perkara atau perintah. Apabila digabungkan ini membawa maksud pemilik urusan atau pemilik kekuasaan dan sebagaimana firman Allah SAW:

*"Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada Ulil-Amri) orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu". Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisih) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (kitab) Allah (Al-Quran) dan (as-Sunnah) RasulNya jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang*

*demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya .”*

### **2.2.3 Iman**

Iman membawa maksud seorang yang diikuti seperti imam solat, ketua kaum dan pemimpin kepada masyarakat seperti mana firman Allah SWT:

*“Dan (ingatlah), ketika Nabi Ibrahim diuji oleh Tuhannya dengan beberapa kalimah (suruhan dan larangan), maka Nabi Ibrahim pun menyempurnakannya. (Setelah itu (Allah berfirman: “Sesungguhnya Aku melantikmu menjadi Imam (pemimpin ikutan) bagi umat manusia”. Nabi Ibrahim pun memohon dengan berkata: “(Ya Tuhanku (Jadikanlah juga (apa jua kiranya) dari keturunanku) pemimpin-pemimpin ikutan”). Allah berfirman: Permohonanmu diterima., tetapi (janjiku ini tidak akan didapati oleh orang-orang yang zalim.”*

### **2.2.4 Malik**

Istilah malik atau raja telah dijelaskan dalam al-Quran sebagaimana firman Allah:

*“Dan Nabi mereka pula berkata kepada mereka: “Bahawasanya Allah telah melantik Talut menjadi raja bagi kamu, mereka menjawab: “Bagaimana Dia mendapat Kuasa memerintah kami sedang kami lebih berhak dengan kuasa pemerintahan itu daripadanya, dan ia pula tidak diberi keluasan harta kekayaan?” Nabi mereka berkata: “Sesungguhnya Allah telah memilihnya (Talut) menjadi raja kamu, dan telah mengurniaknya kelebihan dalam lapangan ilmu pengetahuan dan kegagahan tubuh badan”. Dan (ingatlah), Allah jualah yang memberikan kuasa pemerintahan kepada sesiapa yang dikehendakinya: dan Allah Maha Luas (rahmatnya dan pengurniaannya), lagi meliputi ilmunya”.*

Pengkaji melihat bagaimana ayat ini menjelaskan tentang kelayakan menjadi raja atau pemimpin. Seseorang mesti mempunyai kualiti dan ciri-ciri yang menepati fungsi sebagai seorang pemimpin adalah menjadi perkara utama. Menjadi seorang pemimpin bukan

disebabkan berketurunan nabi atau raja mahupun mempunyai harta kekayaan. Kelayakan bagi menjadi seorang pemimpin adalah ketinggian ilmu pengetahuan dan kesihatan fizikal yang baik.

Kesimpulan daripada empat istilah yang diuraikan dalam al-Quran ini menunjukkan fungsi seorang pemimpin yang dikatakan pengganti kepada penguasa yang sebenar iaitu Allah dalam menguruskan bumi, pemimpin berpengetahuan pelbagai ilmu dan agama, pemimpin mempunyai keperibadian mulia dengan menampilkan teladan yang baik seperti mendirikan solat, menunaikan zakat, jaga kebajikan, amar maa'ruf nahi mungkar dan sebagainya.

### **3. PERANAN PEMIMPIN MENGUBAH KETAMADUNAN MASYARAKAT**

Islam meletakkan institusi kepimpinan pada kedudukan penting kerana peranannya sebagai ketua dalam sesebuah negara. Terbukti bagaimana pendekatan Rasulullah s.a.w mengambil sikap tegas menolak permintaan Abu Zar supaya Baginda melantik beliau sebagai pemimpin. Rasulullah mengingatkan Abu Zar iaitu memegang jawatan seorang pemimpin sangat hina dan penyelesaian pada hari akhirat kecuali mampu menjalankan amanah dan tanggungjawab dengan baik (25). Kepimpinan yang diajar oleh Islam amat lengkap dan sempurna dengan meletakkan rahsia yang tersirat dan tersurat dalam kandungan al-Quran itu sendiri serta contoh sejarah kegemilangan di zaman kepimpinan Rasulullah s.a.w dan khulafa al-Rasyidin.

Bagaimana yang diketahui dan difahami segala dasar ajaran al-Quran dan as-Sunnah juga merangkumi sumber kepimpinan Islam. Dalam surah an-Nisa' ayat 58-59 sebagaimana contoh rujukan utama kepimpinan Islam yang menggariskan empat perkara utama yang perlu diberi keutamaan dalam usaha menunaikan amanah kepimpinan iaitu pemimpin wajib mentaati Allah, ketaatan dan kesetiaan kepada Rasulullah S.A.W sebagai jalan untuk melaksanakan ketaatan kepada Allah, ketaatan dan kesetiaan semua manusia kepada pemerintah iaitu orang yang diberi kuasa untuk menjadi pemimpin kepada masyarakat dan terakhir adalah menjadikan al-Quran dan as-Sunnah sebagai rujukan dalam menyelesaikan segala persengketaan (23).

Selain itu, pengkaji mendapati tanggungjawab pemimpin dalam kepimpinan Islam amat luas untuk dibicara dan kedudukan pemimpin sangat tinggi dalam sesebuah pentadbiran negara. Pemimpin sememangnya telah diiktiraf sebagai faktor penting yang menerajui sesebuah organisasi bagi mencapai matlamat dan objektif serta menuju wawasan yang ditetapkan. Peranan pemimpin sangat besar dalam konteks kepimpinan dalam sesebuah masyarakat yang dapat menentukan kejayaan dan kegagalan organisasi berkenaan.

(5) beliau menggariskan terdapat lima fungsi peranan sebenar bagi seorang pemimpin iaitu pemimpin menetapkan wawasan dan hala tuju organisasi, pemimpin memupuk motivasi pekerja, pemimpin mengembleng sumber manusia hingga mencapai matlamat, membangunkan keupayaan organisasi, merealisasikan perubahan serta membawa perubahan dalam mencapai objektif untuk masa hadapan. Kesemua peranan yang digariskan oleh pengkaji menunjukkan tugas seorang pemimpin sangat berat yang harus dipikul dan digalas demi tanggungjawab dan amanah yang diberikan kepadanya.

#### **4. KREDIBILITI PEMIMPIN ELEMEN PENTING DALAM KEPIMPINAN**

Pemilihan pemimpin bagi sesuatu jawatan perlu diberi perhatian kerana kepimpinan mesti memiliki dua rukun iaitu *quwwah* dan amanah. Pengertian *quwwah* dalam sudut *syara* merujuk bidang kuasa tugas yang diberikan namun secara umum *quwwah* ialah kekuatan atau kemampuan untuk menjalankan tugas. Ini termaksud dalam pelbagai bidang iaitu pemikiran, kerohanian, organisasi, jasmani, akhlak, peribadi dan sebagainya yang perlu dimiliki oleh pemimpin untuk menjayakan kepimpinan (22). Kajian ini melihat bagaimana istilah *quwwah* dapat digambarkan dalam pelbagai bentuk aktiviti manusia misalnya bidang peperangan merujuk kepada kepintaran mengatur strategi peperangan, semangat juang dan keberanian.

Selain itu, definisi *quwwah* dalam menetapkan hukum antara manusia iaitu bagaimana merujuk kepada kesanggupan dalam menjalankan hukum-hukum yang berlandaskan al-Quran dan as-Sunnah dengan adil untuk semua. Manakala amanah pula diteras oleh tiga perkara utama iaitu takut kepada Allah (takut Allah meletakkan sesuatu perkara yang tidak adil, pengkhianatan dan kecuaiian), tidak menggunakan ayat-ayat al-Quran dengan harga murah untuk mendapatkan habuan dunia semata-mata dan tidak takutkan

manusia. Ternyata syarat sebegini amat sukar untuk memperolehi individu yang memiliki kedua-dua sifat quwwah dan amanah dalam diri mereka.

Secara relatifnya, Islam agama yang agung meliputi pelbagai cabang kehidupan manusia dan amat menekankan kepada penganutnya agar menjelmakan Islam melalui amalan yang baik serta ini bertepatan dengan ajaran Islam yang syumul. Betapa pentingnya amalan agama Islam kerana ia mencorak keperibadian hidup manusia dalam pelbagai aspek kepimpinan, pengurusan, pentadbiran dan lain-lain (7). Kebanyakan manusia menganggap remeh dalam melaksanakan amalan agama sedangkan ia sangat penting dalam pembinaan peribadian mulia.

Intisari ayat al-Quran dan al-Sunnah telah menunjukkan bahawa soal kepimpinan merupakan perkara yang paling asasi ditekankan dalam kehidupan manusia (17). Sejarah Islam membuktikan ramai tokoh-tokoh Islam telah memberi pandangan dan menghuraikan berhubung pemilihan pemimpin. Kajian ini melihat bagaimana penekanan tokoh-tokoh Islam dalam meneliti dan meletakkan syarat-syarat supaya pemimpin yang dipilih mampu meletakkan agama pada kedudukan yang tinggi dalam pentadbiran negara. Penyelidik menggariskan beberapa pandangan tokoh-tokoh Islam yang menekankan soal pelantikan pemimpin dan apakah syarat-syarat yang diketengahkan dalam pemilihan tersebut.

Menurut al-Mawardi dalam kitabnya *al-Ahkam al-Sultaniyyah*, pemilihan jawatan tertinggi kerajaan atau khalifah adalah sangat penting dan beliau menggariskan tujuh syarat utama yang mesti dilihat terlebih dahulu dalam diri calon pemimpin yang hendak dipilih. Antaranya ialah keadilan, keberanian, ilmu yang mencukupi, pancaindera yang sempurna, anggota tubuh badan yang sempurna, mempunyai pemikiran politik rakyat serta cekap pengurusan dalam setiap perkara dan seorang Quraisy.

Kajian ini juga meneliti bagaimana pandangan Imam Al-Juwaini yang memberi pandangan untuk pemilihan pemimpin iaitu dengan meletakkan enam syarat bagi seorang pemimpin antaranya seperti seorang mujtahid di mana dia tidak perlu merujuk kepada orang lain dalam setiap perkara, seorang yang menjaga kemaslahatan di dalam setiap aspek, pengurusan tentera yang cekap, adil, warak dan berbangsa Quraisy.



Menurut beliau. kesemua elemen ini merupakan pelengkap dan menjadi syarat utama bagi pemilihan pemimpin.

Sementara itu, penyelidik cuba melihat pandangan Ibn Hazm yang mengemukakan lapan syarat utama untuk menjadi pemimpin negara iaitu berketurunan Quraisy, lelaki, baligh, tamyiz, muslim, cekap dalam menjalankan tugas, seorang yang alim dalam agama serta bertaqwa kepada Allah (19). Selain itu (15) pula, syarat bagi seseorang individu itu layak menjadi pemimpin dalam negara iaitu mestilah Muslim, lelaki, berakal serta baligh dan kewarganegaraan negeri Islam.

Banyak kajian lepas menjelaskan tentang pelbagai sifat atau ciri-ciri yang diperlukan seseorang untuk menjadi pemimpin yang berjaya. Menurut (1) menyatakan bahawa sifat-sifat kepimpinan efektif antara lain adalah berprestasi tinggi, cerdas, bertenaga, petah bertutur dan berhujah, mempunyai kemahiran sosial dan interpersonal dan mahir mentadbir sebagai seorang pemimpin yang berjaya. Bagi (12) beranggapan bahawa sifat-sifat yang patut dimiliki oleh pemimpin iaitu mempunyai rancangan yang jelas dan berwawasan, ketahanan fizikal dan mental yang tinggi dalam menghadapi cabaran, keazaman yang teguh serta berkarisma. Penyelidik melihat kesemua elemen sifat tersebut adalah asas yang perlu dimiliki oleh seseorang yang mahu menjadi pemimpin. Demikian itu, kajian ini cuba melihat bagaimana penambahan elemen agama sebagai nilai tambah bagi melahirkan seorang pemimpin yang sempurna adalah sangat perlu pada masa kini.

Konsep kepimpinan adalah komponen asas dalam menganalisis proses yang dinamik dalam sesebuah organisasi. Kepimpinan merangkumi keseluruhan bidang kehidupan sehingga kejayaan dan kemajuan sesebuah bangsa diwarnai oleh gagasan kepimpinan yang dibawa (14). Kajian ini melihat bagaimana pemimpin yang berjiwa besar dan berfikiran hebat mampu menterjemahkan tingkah laku kamil dan berani melakukan perubahan sudah pasti berjaya membentuk sebuah bangsa dan tamadun yang hebat. Dengan keadaan sedemikian, pemimpin diberi kepercayaan dan kekuasaan untuk melaksanakan tanggungjawab yang diberi (13) kerana bagi (3) mereka memberi anggapan bahawa pemimpin sebagai wira budaya.

Prioriti masyarakat Melayu khususnya dalam kalangan urban Melayu adalah kemampuan calon dalam konteks implementasi manifesto. Faktor karisma pemimpin dari sudut kawalan terhadap isu serta integriti merupakan elemen yang menjadi pertimbangan dalam pengundian (10). Transisi dari kepentingan ketuanan Melayu pada awal kemerdekaan kepada keterbukaan dari segi pemilihan pemimpin pada masa kini menuntut ruang wacana yang serius (12). Kesimpulannya, pengkaji merumuskan bahawa kredibiliti pemimpin politik merupakan elemen penting harus ada dalam diri seorang pemimpin politik.

## 5. KESIMPULAN

Kajian ini merumuskan bahawa karakter pemimpin perlu diterapkan dalam diri supaya masyarakat umum supaya dapat menjadikan model kepada mereka. Tambahan pula, pemimpin yang mempunyai landasan berfikir yang lebih obligasi dan futuristik mampu menarik perhatian mereka supaya terus diberi kepercayaan selaras dengan kemantapan pemimpin yang berintelektual dan berketerampilan yang mampu membawa kestabilan spiritual dan fizikal dalam kalangan mereka.

## 6. RUJUKAN

### Jurnal:

- [1] Andi Nurfitri, Suhana Saad & Azmi Aziz. 2015. Membangun Kepimpinan Organisasi berasaskan budaya lokal: Suatu Analisis Perbandingan. *Malaysian Journal of Society and Space*, 11(9): 54-66.
- [2] Hairol Anuar, Zakaria Stapa & Ahmad Munawar Ismail. 2016. Memposisi Nilai dalam Kerangka Demokrasi di Malaysia: Satu Kajian Tinjauan. *Jurnal Sains Insani* (1): 26-29.
- [3] Hofstede GH. 2001. *Culture's consequences: Comparing values, behaviors, institutions and organizations across nations*. Sage Publications Inc, California.
- [4] Mohd Izhar Ariff Mohd Hashim. 2010. Prinsip dan Model Negara Islam: Definisi dan Aplikasinya di Malaysia. *Journal of Governance and Development*, 6(1): 53-68.
- [5] Mohtar Abas. 2005. Pembangunan Kepimpinan dalam Organisasi. *Jurnal Pengurusan Awam*, 4(1):1-10
- [6] Muhammad Hilmi & Mohd Yusof. 2017. Jati Diri Manusia: Antara Islam dan Barat, *Jurnal Hadhari Edisi Khas*, 8: 97-109.
- [7] Muhd Akmal Noor@Buang Rajikon et.al. 2015. Aplikasi Gaya Kepimpinan Jurutera Muslim di Negeri Melaka. *Jurnal Al-Hikmah*, 7(1): 48-61.
- [8] Muhd Norizam Jamian, Mohd Yuszaidy, Muammar Ghaddafi & Yusmilayati. 2017. Keadilan Teras Kepimpinan Raja-Raja Melayu: Dari Era Tradisi ke Kontemporari. *Jurnal Melayu*, 16(1): 63-81.
- [9] Nor Asma Ab Aziz & Muhd Norizam Jamian. 2016. Akhlak Pemimpin dalam Hikayat Iskandar Zulkarnain: Satu Analisis Pendekatan Adab. *Jurnal Melayu* 15(1): 50-66.
- [10] Paimah Atoma, Adenan Mat Junoh, Adibah Sulaiman@Mohamad, Mohd Azmir Mohd Nizah, Khairulneezam Mohd Nor, Muhammad Shamshinor Abdul Azzis. 2013. Persepsi Pengundi Terhadap Isu yang akan Mempengaruhi Keputusan PRU-13 di Negeri Sembilan. Dlm. Shamsul Amri Baharuddin

& Mansor Mohd Noor (pnyt.). PRU -13: Siapa Pilihan Pengundi? hlm. 122-139. Bangi: Institut Kajian Etnik, UKM.

- [11] Siti Arni Basir, Nurul Syafiyah, Mohamad Zaidi & Monika@Munirah. 2016. Peranan Pemimpin dalam Pelaksanaan Etika Kerja Islam: Kajian Kes di Johor Corporation (JCorp). *Jurnal Usuluddin* (44): 45-83.
- [12] Western S. 2008. *Leadership: A Critical Text*. Sage, Thousand Oaks, CA.
- [13] Zuraidah & Aizan Ali. 2014. Pendidikan Integratif dalam Islam: Kesepaduan Iman, Ilmu dan Amal. *Jurnal Al-Muqaddimah*, 2 (2): 21-45.
- [14] Zuraidah Abdullah, Zahir Ahmad, Nuwairi Khaza'ai. 2012. Pantun dan Ungkapan Melayu sebagai Wahana Kepemimpinan Melayu ke Arah Pembangunan Modal Ihsan. *Jurnal Melayu*, 9, 155-170.

### **Buku**

- [15] Abu A'la al-Maududi. 1969. *The Islamic Law and Constitution*. Lahore: The Islamic Publication, h.233
- [16] Ainon Mohd dan Abdullah Hassan. 2011. *Gaya Kepimpinan di Tempat Kerja*. Batu Caves: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd
- [17] Arsyad Sobby Kesuma. 2009. *Pandangan Ulama Tentang Kepimpinan Dalam Negara*
- [18] Mohd Liki Hamid. 2005. *Pengajian Tamadun Islam*. PTS Professional
- [19] Muhammad Yusuf Musa. 1963. *Nidzam al-Hukm fi al-Islam*. Kohiro: (T.P), h.55 Muhammad Zahirwan Halim, Z. A., Paiz, H., Muhammad Yusri, Y., Hamdi
- [20] Muhammad Ibn Mukarram Ibn Manzur, *Lisan, al-A'rab* (Beirut: Dar al-Ihya' Turath al'-Arabiyy, 1988), jil 12 & 15  
Muhammad Yusuf Musa. 1963. *Nidzam al-Hukm fi al-Islam*. Kohiro: (T.P), h.55 Muhammad Zahirwan Halim, Z. A., Paiz, H., Muhammad Yusri, Y., Hamdi
- [21] Shaharir Mohamad Zain. 2010. *Pembinaan Semula Teori Kepemimpinan dan Kepengurusan Rumpun Melayu*. Kuala Terengganu: Penerbit UMT
- [22] Uthman bin Haji Khalid. 1993. *Hukum-Hukum Pemerintahan dan Kekuasaan Agama (Al-Ahkan Al-Sultaniyyah Wa Al-Wilayah Al-Diniyyah)*, Kuala Lumpur: Institut Pengajian Tradisional Islam

### **Seminar**

- [23] Ahmad Tarmizi Zakaria. 2017. *Metodologi Kepimpinan Menurut Al-Qur'an*. National PreUniversity Seminar 2017 (NpreUS2017).
- [24] Baharom Mohamad, Mohamad Johdi Salleh & Che Noraini Hashim. 2009. *Kepimpinan Pendidikan Berkesan*. Prosiding "Seminar Kepengetuaan Kebangsaan ke-VI" Halatuju Kepemimpinan Sekolah untuk Penambahbaikan Yang Mapan, 10-12 Mac 2009. Institut Kepengetuaan, Kampus Kota, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- [25] Shukeri Mohamad, Ahmad Najib Abdullah & Mohamad AzrieN Mohamed Adnan. 2012. *Rahsia Kepimpinan Islam dan Kejayaan Negara Menurut Guraian al-Quran*. Proceedings: The 2<sup>nd</sup> Annual International Qur'anic Conference 2012, 343-357.